


MAKLUMAT

PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

Penyakit Jantung

Digoxin



Medicine To Treat: Cardiac Diseases

Digoxin

APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

Sebagai agen 'antiarrhythmic', digoxin digunakan untuk mengurangkan rentak degupan jantung yang cepat. Ia digunakan dalam penyakit lemah jantung untuk meningkatkan fungsi jantung.

BAGAIMANAKAH CARA SAYA HARUS MENGAMBIL UBAT INI?

Digoxin ditelan dengan segelas air. Ikutilah arahan yang terdapat di label preskripsi. Ambil sukatan ubat anda pada masa yang tetap. Ubat ini selalunya diambil sebelum atau sesudah makan.

APAKAH YANG SEHARUSNYA SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TERTINGGAL SATU DOS?

Pastikan jangan tertinggal sebarang dos. Sekiranya anda tertinggal satu dos ambillah sejurus saja anda teringat dalam masa 12 jam. Seandainya ia telah melebihi masa 12 jam, jangan makan dos yang tertinggal itu. Anda cuma meneruskan pengambilan ubat ini pada selang masa dos yang berikutan pada masa yang sama. Jangan mengambil dos yang tertinggal dan jangan mengambil dos berganda pada selang masa dos yang berikutan kecuali atas arahan doktor.

APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG MUNGKIN DI ALAMI?

Digoxin boleh memburukkan lagi rentak degupan jantung yang luarbiasa yang sedang dialami atau menimbulkan rentak degupan jantung luarbiasa yang baru. Kesan sampingan yang lazim dialami adalah seperti:

- Cirit birit, loya dan muntah
- Pening kepala, pitam dan gangguan mental
- Gangguan penglihatan

Sila beritahu doktor anda secepat mungkin sekiranya anda mendapati kesan sampingan tersebut.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?

Terdapat beberapa jenis ubat yang boleh mempengaruhi paras digoxin di dalam tubuh anda. Adalah tidak wajar ubat ini diambil bersama dengan ubat tradisional. Jika anda berjumpa dengan doktor selain dari doktor anda, anda perlu beritahu doktor berkenaan yang anda sedang dalam rawatan dengan digoxin.

Tidak terdapat maklumat yang mencukupi tentang penggunaan digoxin pada wanita yang hamil. Lantas ubat ini seharusnya digunakan sekiranya ia diperlukan.

Digoxin disalurkan pada susu ibu. Kerana potensinya yang tinggi boleh memberikan kesan buruk yang serius terhadap bayi, maka keputusan samada harus berhenti daripada menyusukan bayi atau memakan ubat ini harus dibuat dengan menimbangankan kepentingan ubat ini untuk pesakit.

Doktor anda boleh memeriksa paras digoxin dalam darah pada masa-masa tertentu bagi memastikan samada rawatan itu mencukupi atau tidak.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA?

Anda harus menyimpannya dalam sebuah bekas yang ketat, kalis-cahaya dan disimpan di tempat yang sejuk dan kering itu daripada terkena cahaya.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi



Ministry Of Health



Printed in 2002